



Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Agensi-Agensi Kerajaan Negeri,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2022**

**PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN
PENYALURAN PERUNTUKAN SECARA PEMBERIAN LANGSUNG**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor mengenai penambahbaikan garis panduan penyaluran peruntukan secara pemberian langsung yang akan melibatkan pindaan kepada pekeling sedia ada iaitu Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2014 dalam memastikan pengurusan penyaluran peruntukan ini adalah selari dengan prinsip kebertanggungjawaban dan ketelusan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2022 bertarikh 9 November 2022 dan disahkan oleh MMKN ke 31/2022 bertarikh 16 November 2022 telah menimbangkan dan meluluskan perkara berikut:

2.1.1 **Bersetuju** dengan pindaan kepada pekeliling sedia ada iaitu Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2014;

2.1.2 **Bersetuju** dengan penggunaan dokumen-dokumen penyaluran peruntukan secara pemberian langsung seperti berikut:

- i. Surat tawaran/ surat pelantikan agensi pelaksana; dan
- ii. Aku Janji penerimaan peruntukan kewangan bagi pelaksanaan program/ projek.

2.1.3 **Bersetuju** dengan carta alir pelaksanaan program/ projek di bawah Jawatankuasa Tetap bermula dari Fasa Perancangan sehingga Fasa Penilaian Program/ Projek menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan secara pemberian langsung; dan

2.1.4 **Bersetuju** bahawa pindaan kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2014 akan berkuatkuasa bermula 1 Januari 2023 dan terpakai

kepada semua Jabatan/ Badan Berkanun dan Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Selangor.

3. GARIS PANDUAN PENYALURAN PERUNTUKAN

3.1 Penambahbaikan garis panduan ini melibatkan semakan semula proses dan carta alir kerja dari Fasa Perancangan sehingga Fasa Penilaian Program/ Projek.

3.2 Fasa Perancangan

3.2.1 Perancangan program/ projek tahun semasa

Perancangan program/ projek di bawah **Jawatankuasa Tetap (STANDCO) sedia ada hanya berlaku di peringkat STANDCO sahaja** (sasaran kerja tahunan STANDCO), tidak dirancang secara kemas dan sering kali berlaku pertindihan program/ projek di antara STANDCO. Bermula tahun 2023, perancangan program/ projek STANDCO **perlu mendapat kelulusan YAB Dato' Menteri Besar terlebih dahulu**. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) [" TSUK(P) "] hendaklah menyelaras perkara ini bersama semua urus setia STANDCO.

3.2.2 Program/ Projek yang tidak dirancang

Program/ Projek yang **tidak dirancang pada tahun semasa hendaklah diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)**. Setiap Ketua

Jabatan/STANDCO boleh dipertimbangkan untuk membuat perubahan SKT (*variation*) sebanyak 30 peratus daripada SKT sebenar dan **penyusunan semula program/ projek berdasarkan keutamaan** perlu dilaksanakan tanpa melibatkan peruntukan tambahan. **Ulasan berkaitan implikasi kewangan hendaklah diperoleh dari Pegawai Kewangan Negeri sebelum kertas tersebut diangkat untuk kelulusan MMKN.** Ulasan Pegawai Kewangan Negeri adalah bersekali dengan kelulusan berbelanja.

3.3 Fasa Pelaksanaan

- 3.3.1 Pemberian langsung **sehingga RM50,000.00** adalah tertakluk kepada kelulusan **TSUK(P)**. Bagi pemberian langsung dengan **nilai melebihi RM50,000.00** hendaklah mendapat kelulusan **Pegawai Kewangan Negeri** berserta ulasan dari Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Agihan dan Pembangunan (UPEN AP) serta syor TSUK(P).
- 3.3.2 **Surat tawaran/ pelantikan perlu disediakan oleh Urusetia STANDCO** dan dikemukakan kepada agensi pelaksana sebelum dokumen Aku Janji Penerimaan Peruntukan Kewangan Bagi Pelaksanaan Program/ Projek ditandatangani **selepas memperoleh kelulusan pemberian langsung.** Aku Janji ini perlu ditandatangani oleh agensi pelaksana dan YB Pengerusi

STANDCO sebagai saksi sebelum peruntukan disalurkan.

3.3.3 **Aku Janji** ini tidak mengikat pihak-pihak dari segi undang-undang (*non-legally binding*). Ia adalah satu instrumen kawalan bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri Selangor terpelihara.

3.3.4 Walau bagaimanapun, PNS dan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor akan dari semasa ke semasa **meneliti dan memberi maklum balas kepada Jabatan sekiranya terdapat keperluan untuk mewujudkan ikatan/ kontrak yang mengikat pihak-pihak secara undang-undang (*legally binding*)** terutamanya bagi program/ projek yang berimpak tinggi serta melibatkan implikasi kewangan yang besar.

3.4 Fasa Penilaian

Urusetia STANDCO perlu memastikan prestasi pelaksanaan program/ projek adalah setara dengan prestasi perbelajaan dan meminta agensi pelaksana menyediakan **laporan pelaksanaan secara berkala** bagi tujuan pemantauan. Unit *Selangor Implementation and Performance Monitoring* (SIAP) akan menilai prestasi dan pencapaian program/ projek terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat terus dilaksanakan.

3.5 **Carta alir** pelaksanaan program/projek di bawah STANDCO menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan secara **pemberian langsung** kepada agensi pelaksana adalah seperti di **Lampiran 2**.

4. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

4.1 Pemberian langsung kepada Jabatan-jabatan di bawah Vot Kerajaan Negeri yang menggunakan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) adalah **tidak dibenarkan**.

4.2 Penyaluran secara pemberian langsung peruntukan Mengurus di bawah Vot B01 (Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan), B02 (Pelbagai Perkhidmatan) dan B04 (Perbendaharaan Negeri Selangor) di bawah Objek AM 40000, adalah tertakluk kepada **kelulusan Pegawai Pengawal**.

4.3 Penyaluran secara pemberian langsung daripada peruntukan Pembangunan ke Akaun Amanah adalah **tidak dibenarkan** kecuali dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

5. TARIKH KUAT KUASA

5.1 Arahan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2023 tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

6. PEMBATALAN

6.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2014 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DR AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 15 Disember 2022

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. YB Penasihat Undang-Undang
- iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)
- v. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan)

**SURAT AKUJANJI PENERIMAAN PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI
PELAKSANAAN PROGRAM (TAJUK PROGRAM)**

Kami (agensi penerima) yang mempunyai alamat berdaftar di (alamat rasmi penerima) dengan ini mengakui dan bersetuju secara sukarela akan melaksanakan (tajuk Program/ Projek) ('Program tersebut') dan akan menerima peruntukan kewangan berjumlah Ringgit Malaysia (dalam perkataan) RMXXXXXXX daripada (agensi penyalur) pada (hari, bulan, tahun) bagi pelaksanaan Program tersebut tertakluk kepada prestasi pelaksanaan program dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

Dengan ini kami beraku janji dan bersetuju **BAHAWASANYA** kami,:

- i. akan menggunakan peruntukan kewangan tersebut hanya bagi tujuan yang dinyatakan dalam **Lampiran A** kepada surat aku janji ini. Sebarang penggunaan peruntukan selain daripada tujuan yang dinyatakan perlu mendapat kelulusan Pengarah UPEN;
- ii. akan melaksanakan program yang telah diluluskan oleh (agensi penyalur) sebagaimana yang dilampirkan dalam **Lampiran A** surat aku janji ini;
- iii. tidak akan menggunakan peruntukan kewangan tersebut untuk melaksanakan apa-apa program berunsurkan politik, subversif, mengganggu keharmonian awam, melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa;
- iv. tidak akan terlibat dalam menawarkan atau menerima rasuah;
- v. akan memastikan pelaksanaan program tersebut mencapai impak dan objektif yang telah dipersetujui bersama dengan (agensi penyalur) sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran A** surat aku janji ini;
- vi. akan menguruskan dan menggunakan peruntukan kewangan tersebut secara telus, berhemah dan mematuhi semua peraturan dan arahan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa;
- vii. akan memastikan sebarang baki peruntukan yang tidak dibelanjakan dipulangkan semula kepada Kerajaan Negeri;

LAMPIRAN 1

- viii. akan mengemukakan laporan penuh program tersebut yang merangkumi aspek pelaksanaan, impak dan pengurusan kewangan kepada (agensi penyalur) dalam tempoh 14 hari bekerja selepas program tersebut selesai dilaksanakan;
- ix. bagi program yang pelaksanaannya melebihi tempoh tiga (3) bulan, laporan kemajuan secara berkala (akan diperincikan di dalam lampiran) akan dikemukakan bagi tujuan pemantauan dan penyaluran peruntukan seterusnya; dan
- x. adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi setiap maklumat yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri semasa atau selepas program dilaksanakan.

Kami sesungguhnya faham bahawa sekiranya kami tidak mematuhi mana-mana perenggan di atas maka (agensi penyalur) berhak untuk menghentikan penyaluran peruntukan kewangan tersebut atau mengambil tindakan sewajarnya sebagaimana difikirkan patut oleh (agensi penyalur) selaras dengan kehendak peraturan, arahan Kerajaan Negeri atau mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

Ditandatangani oleh:

(Pengarah/Pemilik Perniagaan/Pengerusi/Pegawai yang diberi kuasa)

.....

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

No. Tel.:

Cop Rasmi Syarikat:

Disaksikan oleh:

(YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap)

.....

Nama Pengerusi Jawatankuasa Tetap:

Cop Rasmi:

Tarikh:

LAMPIRAN A

LAMPIRAN KEPADA SURAT AKU JANJI PENERIMAAN PERUNTUKAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

a)	Nama Program	
b)	Jawatankuasa Tetap	
c)	Tujuan penyaluran pemberian langsung	
d)	Objektif program	
e)	Skop program	
f)	Kaedah Pelaksanaan Program	
g)	Jadual pelaksanaan (serta garis masa@carta perbatuan)	
h)	Perincian peruntukan dan kaedah penyaluran (berfasa/<i>lump sum</i>) <i>Nota: Penyaluran peruntukan adalah tertakluk kepada prestasi pelaksanaan program dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.</i>	Maklumat Vot: ☐ Berfasa : (Bilangan fasa / Jadual Penyaluran) ☐ <i>Lump sum</i>
i)	<i>Outcome</i> program	

**CARTA ALIR PELAKSANAAN PROJEK/PROGRAM STANDCO MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG DISALURKAN SECARA
PEMBERIAN LANGSUNG KEPADA AGENSI PELAKSANA**

Program yang TIDAK DIRANCANG diangkat untuk kelulusan MMKN. Ulasan PWN perlu diperolehi sebelum kertas diangkat untuk kelulusan MMKN. Ulasan PWN adalah bersekali dengan kelulusan berbelanja.

Perancangan Program Tahun Semasa (SKT) dan syor di peringkat STANDCO

Senarai perancangan program tahun semasa (SKT) STANDCO diluluskan oleh YAB Dato' MB

PERANCANGAN

Kaedah:

1. Pemakluman dan kelulusan YAB Dato' MB semasa Retreat Exco
2. Nota Makluman TSUK(P) kepada YAB Dato' MB

Pindaan program pada tahun semasa:

1. Implikasi kewangan kurang RM100,000: Nota Makluman kepada YAB Dato' MB
2. Implikasi kewangan melebihi RM100,000: Kertas Pertimbangan MMKN

Kelulusan Berbelanja: PPNS Bil.5/2017

1. Pegawai Kewangan Negeri (melebihi RM250,000)
2. Pengarah UPEN (sehingga RM250,000)

Kelulusan Penyaluran Pemberian Langsung (DG):

1. Pengarah UPEN (sehingga RM50,000)
2. Pegawai Kewangan Negeri (melebihi RM50,000)

Dokumen: Minit Ceraian Kelulusan berbelanja peruntukan pembangunan oleh TSUK(P)

PELAKSANAAN

Pelaksanaan program/projek:

Penyaluran *Direct Grant* kepada agensi pelaksana untuk pelaksanaan program/projek

Dokumen:

1. Surat tawaran/ pelantikan dikeluarkan kepada Agensi Pelaksana
2. Aku janji Penerimaan Peruntukan bagi Pelaksanaan Program
3. Kontrak formal/perjanjian bagi program/projek berimpak tinggi dan melibatkan peruntukan yang besar

Dokumen 1-3 disediakan oleh Urusetia STANDCO dan dikemukakan kepada Agensi Pelaksana selepas memperoleh kelulusan penyaluran DG.

Penyaluran DG kepada Agensi Pelaksana akan diproses **selepas** Aku janji ditandatangani

PEMANTAUAN

Laporan pelaksanaan program dan prestasi perbelanjaan

Disediakan oleh agensi pelaksana kepada Urusetia JK Tetap dan disalinkan kepada PNS

Laporan penilaian program

Dilaksanakan oleh Unit SIAP, SUK